

SOALAN NO.: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]
TARIKH : 13 Mac 2018
SOALAN : 71

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan atas dasar apakah graduan doktor Malaysia yang tidak memiliki sijil SPM tidak boleh ditempatkan di hospital Kerajaan di seluruh negara.

Tuan Yang di- Pertua,

Berdasarkan Akta Perubatan 1971, untuk melayakkan seseorang graduan perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM), mereka perlu memiliki ijazah asas perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Bagi mereka yang memiliki ijazah yang tidak diiktiraf, mereka perlu menduduki dan lulus *Examination for Provisional Registration* (EPR) untuk melayakkan mereka berdaftar dengan MPM.